



مجلس بندياري فتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

# KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (22)

Tarikh: 3 Mac 2025

## **MBPJ SEMARAKAN BULAN RAMADHAN DENGAN PENYERAHAN BAKUL SUMBANGAN KEPADA WARGA KERJA.**

Dalam usaha menyantuni warga kerja serta menyemarakkan semangat Ramadhan 1446H, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Bakul Ramadhan sebagai tanda penghargaan kepada seluruh warga kerja atas komitmen dan dedikasi mereka dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Petaling Jaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya bertempat di Dewan Banquet, MBPJ.

Seramai 2,000 warga kerja MBPJ menerima Bakul Ramadhan yang mengandungi pelbagai barangan keperluan asas bagi membantu meringankan persiapan menyambut Ramadhan. Setiap bakul sumbangan mengandungi tujuh (7) barangan makanan utama iaitu beras 5 kilogram (kg), bihun, sardin dalam tin, kicap manis 450 gram, biskut jagung, minyak masak 1 kilogram dan tepung gandum 850 gram.

Penganjuran program tahunan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2007 ini bukan sekadar simbol penghargaan malah mencerminkan keprihatinan MBPJ dalam memastikan kebajikan warga kerja sentiasa dijaga. Bantuan ini diharap dapat memberikan sokongan moral kepada warga kerja agar terus bersemangat dalam menjalankan tugas dengan penuh dedikasi meskipun dalam bulan Ramadhan.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menekankan bahawa bulan Ramadhan tidak seharusnya menjadi alasan untuk mengurangkan produktiviti dan tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

"Bulan Ramadhan tidak semestinya menjadikan kita semua lemah dan bukannya halangan untuk terus memberikan perkhidmatan yang efisien dan terbaik. Alasan menjadikan bulan Ramadhan untuk lebih banyak berehat dan tidak menjalankan tugas hakiki tidak sewajarnya berlaku. Diharapkan semua warga kerja Majlis akan terus bekerja dengan penuh disiplin, amanah dan bertanggungjawab," katanya.

Selain memperkukuhkan hubungan silaturahim antara pihak pengurusan dan warga kerja, program ini juga membudayakan semangat kebersamaan serta saling menghargai dalam kalangan warga kerja MBPJ. Keprihatinan ini selari dengan nilai-nilai murni yang diterapkan sepanjang bulan Ramadhan yang menekankan kepentingan sikap saling membantu dan berbagi rezeki.



Bagi memastikan kelancaran program, MBPJ telah melantik Syarikat PKPS Management Services Sdn. Bhd. bagi menguruskan pembekalan dan penghantaran Bakul Ramadhan 2025 dengan kos keseluruhan berjumlah RM105,100.00. Pemilihan syarikat ini dibuat berdasarkan keupayaan mereka dalam menyediakan perkhidmatan logistik yang cekap bagi memastikan setiap sumbangan sampai kepada penerima dalam keadaan yang terbaik.

Majlis ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada semua warga kerja MBPJ sekali gus menjadikan sambutan Ramadhan tahun ini lebih bermakna dan diberkati. Dengan adanya inisiatif seperti ini, MBPJ berhasrat untuk terus memperkukuh budaya kesejahteraan dalam organisasi serta mempertingkatkan usaha dalam menyantuni warga kerja yang menjadi tonggak kepada kejayaan pentadbiran bandar raya ini.

Sempena bulan Ramadhan yang mulia ini, MBPJ ingin mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada semua warga kerja yang beragama Islam. Semoga bulan penuh keberkatan ini menjadi ruang untuk memperkukuh keimanan, memperbanyakkan amal kebajikan serta meningkatkan keikhlasan dalam menggalas tugas dan tanggungjawab.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

## DYMM TENGGU PERMAISURI SELANGOR BERKENAN MENCEMAR DULI BERANGKAT KE PROGRAM SANTUNI BAZAR RAMADHAN 'BAHAGIA DAN LESTARI' ANJURAN MBPJ.

BIL :

Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Hajah Norashikin telah berkenan mencemar duli berangkat ke Program Santuni Bazar Ramadhan 'Bahagia dan Lestari' anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang berlangsung di Bazar Ramadhan SS 6/1, Kelana Jaya hari ini.

Turut sama mengiringi baginda, YABhg. Datin Seri Masdiana binti Muhamad, YDP PEKAWANIS, YBr. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, En. Mohd Zuhairi bin Mat Radey, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Dan Kos Sara Hidup Negeri Selangor, YB. Tuan Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi merangkap ADN Seri Setia dan Y.B. Puan Jamaliah binti Jamaluddin, EXCO Kesihatan Awam & Alam Sekitar merangkap ADN Bandar Utama.

Program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif MBPJ dalam memastikan penganjuran bazar Ramadhan yang lebih kondusif, selesa, dan lestari. Bagi tahun 2025, MBPJ menawarkan sebanyak 1,260 petak perniagaan di 18 buah lokasi bazar dengan 1,108 peniaga telah mendaftar mencatatkan hampir 88% penyertaan daripada jumlah keseluruhan.

### **Pengalaman Berbelanja yang Lebih Selamat, Selesa dan Lestari**

Bertemakan 'Bahagia dan Lestari', MBPJ telah menetapkan beberapa dasar utama bagi meningkatkan kualiti pengalaman di bazar Ramadhan. Antaranya ialah sistem pengasingan petak jualan mengikut kategori seperti makanan, minuman dan produk bakar selain pelaksanaan transaksi tanpa tunai sepenuhnya bagi memastikan urusan niaga lebih selamat dan efisien.

MBPJ turut menggalakkan ekonomi gig dengan menyediakan ruang kepada peniaga memperluaskan capaian pelanggan menerusi platform digital seperti PLATS, GrabFood, ShopeeFood dan FoodPanda. Usaha ini bukan sahaja membantu peniaga meningkatkan pendapatan tetapi juga memberi kemudahan kepada pengguna mendapatkan juadah berbuka puasa secara atas talian.

### **Kelestarian Alam Sekitar dan Pengurangan Pembaziran**

Sebagai sebahagian daripada komitmen terhadap kelestarian, MBPJ bekerjasama dengan Eco Lestari untuk mengurangkan pembaziran makanan dan meningkatkan kadar kitar semula.

Antara inisiatif utama termasuk program kitar semula minyak masak terpakai, pengasingan sisa makanan serta pertandingan pengumpulan minyak masak terpakai yang menawarkan hadiah wang tunai sebagai insentif.

Sehingga 10 Mac 2025, sebanyak 512 kilogram (kg) sisa makanan telah dikumpul dan diproses menjadi baja organik manakala 511.5 kg minyak masak berjaya dikitar semula. Kejayaan ini membuktikan bahawa bazar Ramadhan bukan sahaja sebagai pusat ekonomi tetapi juga platform penting dalam usaha pemeliharaan alam sekitar.

### **Inisiatif Kebajikan dan Kesejahteraan Masyarakat**

Dalam usaha memperkukuh nilai kebersamaan sepanjang Ramadhan, MBPJ turut melaksanakan program kebajikan menerusi “Bakul Bahagiannya Ramadhan @ PJ 2025” dengan kerjasama usahawan mikro, pengusaha hotel dan syarikat korporat. Program ini bertujuan mengurangkan pembaziran makanan dengan mengagihkan sumbangan makanan dan minuman kepada masjid, surau, rumah anak yatim serta golongan memerlukan melalui Ahli-ahli Majlis MBPJ.

Dalam majlis ini, DYMM Tengku Permaisuri Selangor turut berkenan menyampaikan Bakul Bahagiannya Ramadhan @ PJ 2025 kepada 30 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan fakir miskin sekali gus memperkukuh semangat kasih sayang dan kebersamaan dalam komuniti.

### **Galakan Pembayaran Digital dan Menu Rahmah Madani**

Bagi menggalakkan penggunaan transaksi digital, MBPJ telah memperuntukkan RM30,000 bagi Kupon Digital PLATS dengan kerjasama Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI). Setiap kupon bernilai RM15 boleh ditebus di enam (6) buah bazar Ramadhan yang terpilih bagi menggalakkan amalan pembayaran tanpa tunai.

Selain itu, MBPJ memperkenalkan Menu Rahmah Madani dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Selangor. Inisiatif ini menawarkan insentif kepada peniaga yang menjual makanan pada harga RM5.00 dan pada masa yang sama dapat membantu rakyat mendapatkan juadah berbuka puasa pada harga berpatutan.

### **Pengiktirafan kepada Peniaga Cemerlang**

Sebagai penghargaan kepada peniaga yang mematuhi konsep bazar yang kondusif dan lestari, MBPJ memperkenalkan Anugerah Usahawan Mikro “Bahagia & Lestari” 2025. Seramai 20 peniaga terbaik akan menerima wang tunai RM500 serta keistimewaan memilih 2 nombor petak bagi Bazar Ramadhan 2026.

### **Jaminan Kelancaran dan Pemantauan Berterusan**

Bagi memastikan kelancaran operasi bazar Ramadhan, hampir 100 petugas MBPJ akan ditugaskan untuk melakukan pemantauan terhadap aspek kebersihan, keselamatan dan pematuhan garis panduan yang telah ditetapkan.

MBPJ menyeru semua peniaga agar mematuhi peraturan yang ditetapkan bagi memastikan bazar Ramadhan tahun ini berlangsung dengan lancar, selamat dan memberikan pengalaman terbaik kepada pengunjung.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (24)**

**Tarikh: 11 Mac 2025**

## **MBPJ KOMITED IMARAHKAN BULAN RAMADHAN DENGAN PROGRAM KEBAJIKAN DAN PENGISIAN ROHANI.**

Bulan Ramadhan merupakan bulan yang penuh keberkatan dan kemuliaan bagi seluruh umat Islam. Seajar dengan nilai murni ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited mengimarahkan bulan Ramadhan dengan mengadakan pelbagai program kebajikan dan pengisian rohani bagi membantu golongan yang memerlukan di sekitar Petaling Jaya.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan kepada anak-anak yatim dan kariah Masjid Dato' Haji Kamaruddin (MDHK), Seksyen 51A, Petaling Jaya hari ini.

Penganjuran program ini merupakan kesinambungan kepada beberapa program kebajikan yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan. Terdahulu, MBPJ telah menyantuni golongan sasar melalui program pemberian sumbangan kepada warga emas dan orang kurang upaya (OKU), pemberian bakul Ramadhan, ceramah dan tazkirah kepada warga kerja MBPJ.

Selain menjadi wadah untuk membantu masyarakat, program ini turut berperanan sebagai platform untuk memperkukuh hubungan silaturahim antara MBPJ dan komuniti setempat.

Dalam majlis ini, seramai 25 orang anak-anak yatim dan asnaf kariah MDHK telah diraikan serta menerima sumbangan bernilai RM200 setiap seorang. Sumbangan ini bertujuan membantu mereka menjalani ibadah puasa dengan lebih selesa serta membuat persiapan menjelang Aidilfitri.

MBPJ turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM2,000 kepada Nazir MDHK, Tuan Haji Farizuddin bin Aman sebagai sokongan kepada usaha kebajikan dan pembangunan komuniti masjid.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menekankan bahawa amalan bersedekah bukan sahaja dituntut dalam Islam tetapi juga mencerminkan nilai kemanusiaan sejagat.



"Sedekah bukan sekadar pemberian material, tetapi satu penghayatan terhadap nilai syukur atas rezeki yang dikurniakan oleh Allah. Semoga dengan sumbangan ini dapat meringankan sedikit beban penerima dan membawa keceriaan dalam menyambut Syawal yang bakal tiba," katanya.

MBPJ berharap agar inisiatif seperti ini dapat terus memperkukuh semangat kebersamaan dan menyemarakkan lagi semangat Ramadhan dalam kalangan masyarakat di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (25)**

**Tarikh: 14 Mac 2025**

## **MBPJ PERKASA KECEKAPAN PERKHIDMATAN KREMATORIUM TANPA KENAIKAN KOS.**

Merujuk kepada laporan akhbar bertajuk **“Do detailed study before privatizing MBPJ crematorium”** yang disiarkan oleh The Star pada tarikh 5 Mac 2025, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ingin menjelaskan mengenai **perancangan menaik taraf dan menyelenggara krematorium sedia ada di Jalan 229, Seksyen 51A bagi tempoh 21 tahun**. Pertimbangan terhadap cadangan ini telah dimulakan sejak **September 2024** melibatkan perbincangan mendalam serta penelitian menyeluruh terhadap pelbagai aspek pengurusan kematian khususnya yang berkaitan dengan perkhidmatan krematorium di Petaling Jaya.

MBPJ memahami keperluan masyarakat terhadap kemudahan pengebumian yang lebih sistematik dan mesra pengguna khususnya bagi penghuni kondominium dan pangsapuri bertingkat yang menghadapi kekangan ruang untuk menjalankan upacara pengebumian. Justeru, rumah pengebumian dan krematorium memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan ini.

Sehubungan itu, MBPJ ingin memberikan penjelasan lanjut dan memperbetulkan beberapa salah faham berkaitan cadangan ini. **Pertama, mengenai kos kremasi.** MBPJ menegaskan bahawa tiada kenaikan kadar bagi perkhidmatan ini. **Kadar sedia ada akan dikekalkan iaitu RM180.00 untuk dewasa dan RM100.00 untuk kanak-kanak** sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Majlis. Pada masa ini, MBPJ mempunyai **tiga (3) unit pembakar (burner)** dan sekiranya perjanjian ini dilaksanakan, jumlah unit pembakar akan **bertambah kepada lima (5) dengan kadar bayaran yang sama bagi pengguna perkhidmatan.** Segala kos pembangunan tambahan bagi penyediaan perkhidmatan ini akan ditanggung dan diuruskan sepenuhnya oleh syarikat yang dilantik.

**Kedua, berhubung pemilikan dan pengurusan krematorium.** MBPJ menegaskan bahawa fasiliti ini akan kekal di bawah pemilikan MBPJ. Syarikat yang dilantik hanya akan bertanggungjawab menguruskan operasi krematorium tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh MBPJ.



Ini termasuklah keperluan mendapatkan **kelulusan kebenaran merancang (KM) serta pematuhan terhadap semua garis panduan dan peraturan yang ditetapkan.** Majlis akan membuat pemantauan bagi memastikan pembangunan dijalankan secara teratur serta menepati piawaian keselamatan, kesihatan awam dan pemeliharaan alam sekitar.

Secara ringkasnya, **perkhidmatan krematorium yang disediakan oleh Majlis akan dipertingkatkan dengan penambahan slot kremasi tanpa sebarang kenaikan harga.** Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti serta kecekapan perkhidmatan bagi memastikan pengguna perkhidmatan khususnya warga Petaling Jaya terus menikmati kemudahan yang berkualiti tanpa beban kewangan tambahan.

MBPJ komited untuk mengekalkan perkhidmatan krematorium yang telus, berpatutan dan memenuhi keperluan masyarakat.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (26)**

**Tarikh: 20 Mac 2025**

## **KOLABORASI ENCORP BERSAMA MBPJ SEMARAKKAN KEPRIHATINAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI.**

Sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak, Encorp Berhad (ENCORP), sebuah syarikat pegangan pelaburan, bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menganjurkan **Program Rewang Bubur Lambuk** di The Strand Mall hari ini. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen tanggungjawab sosial korporat (CSR) ENCORP dalam memperkukuh semangat kebersamaan dan keprihatinan terhadap komuniti setempat.

Sebanyak **3,000 bekas bubur lambuk** diagihkan kepada komuniti setempat melibatkan penduduk di sekitar **Kota Damansara** dan **Petaling Jaya** sebagai usaha menyemarakkan semangat berkongsi rezeki di bulan penuh keberkatan ini.

Program gotong-royong memasak bubur lambuk ini menyaksikan penglibatan seramai **127 warga kerja ENCORP** bersama **20 wakil penduduk Kota Damansara** yang bersama-sama berganding bahu dalam menyiapkan hidangan tradisi yang sinonim dengan bulan Ramadhan.

Turut hadir memeriahkan program ini adalah **Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon** yang menzahirkan penghargaan atas komitmen semua pihak dalam menjayakan program berunsur kebajikan ini.

Menurut Datuk Bandar, penganjuran program ini bukan sahaja bertujuan menyuburkan amalan kebajikan malah turut memperkukuh hubungan silaturahim antara pihak berkuasa tempatan, sektor korporat dan masyarakat setempat.

“Saya amat berbesar hati melihat semangat gotong-royong yang ditunjukkan oleh para peserta. Sambutan dan kerjasama erat antara warga kerja dan penduduk setempat membuktikan betapa eratnya hubungan komuniti dalam memastikan kejayaan program ini.”



Sementara itu, **Pengerusi ENCORP, Encik Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** turut menzahirkan rasa bangga dengan penglibatan syarikat dalam inisiatif kemasyarakatan seperti ini.

“Sejajar dengan aspirasi syarikat – **"Enlightened Corporation Makes Enlightened Nation"**, **ENCORP** berpegang teguh kepada nilai muafakat dan tanggungjawab sosial dalam usaha membina masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera. Semangat muafakat ini tidak terhad kepada satu program sahaja, tetapi diperluaskan merentasi pelbagai inisiatif dengan matlamat memberikan impak positif kepada masyarakat, selari dengan komitmen ENCORP dalam memperkukuhkan kesejahteraan komuniti,” ujar beliau.

MBPJ komited untuk terus memperkasakan inisiatif kemasyarakatan seumpama ini selari dengan aspirasi membentuk **Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya mampan, inklusif dan bahagia**. Pengiktirafan Petaling Jaya sebagai **Bandar Paling Bahagia di Malaysia** menjadi bukti bahawa keharmonian dan kesejahteraan komuniti sentiasa diutamakan sejajar dengan usaha menjadikan bandar raya ini contoh terbaik dalam aspek pembangunan lestari dan kesejahteraan sosial.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (27)**

**Tarikh: 21 Mac 2025**

## **MBPJ RAIKAN ANAK YATIM DAN GOLONGAN RENTAN DALAM MAJLIS IFTAR DAN SUMBANGAN AIDILFITRI 2025.**

Hampir 2,000 orang yang terdiri daripada anak-anak yatim, golongan rentan serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah diraikan dalam **Majlis Iftar Warga Kerja MBPJ Bersama Anak-anak Yatim dan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri 2025** bertempat di Laman MBPJ, Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya hari ini.

Program tahunan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) MBPJ dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Selain menghargai sumbangan warga kerja MBPJ khususnya yang beragama Islam, program ini juga berperanan dalam mempererat hubungan silaturahim antara MBPJ, masyarakat setempat dan orang awam. Pada masa yang sama, ia turut menjadi platform bagi menyantuni golongan memerlukan serta menggalakkan aktiviti kebajikan dalam bulan yang penuh keberkatan ini.

Pelbagai aktiviti telah disusun bagi memeriahkan program termasuk majlis berbuka puasa bersama komuniti dan warga kerja MBPJ, diikuti dengan solat Maghrib, Isyak dan Tarawih secara berjemaah. Program turut diserikan dengan alunan qasidah bagi mengisi waktu menanti berbuka serta tazkirah Ramadhan yang memberi peringatan dan pengisian rohani kepada para hadirin.

Sebagai tanda keprihatinan, sejumlah **RM30,000** sumbangan berbentuk duit raya disampaikan kepada **150 anak yatim** terdiri daripada anak-anak warga kerja MBPJ serta anak kariah Masjid Jumhuria Dato' Harun dan Masjid Al-Islamiah, Kg. Lindungan. Selain itu, mereka turut menerima sumbangan berupa beg, sejadah, tumbler dan kuih raya.

MBPJ juga menyalurkan bantuan kepada **100 keluarga B40** yang telah dikenal pasti menerusi data eKasih. Setiap penerima menerima sumbangan sebanyak RM300.00 serta biskut raya.



Sebagai penghargaan kepada rakan strategik yang turut menjayakan program ini, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj.Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya telah menyampaikan sijil penghargaan kepada lapan (8) rakan strategik MBPJ iaitu:

1. Indo Aman Bina Sdn. Bhd. (TA Global)
2. Mightyprop Sdn. Bhd.
3. Susunan Baru Sdn. Bhd.
4. BH Builders Sdn. Bhd.
5. Land & General Berhad
6. CK East Development Sdn. Bhd.
7. Puan Norah binti Mansor (Ahli Majlis Zon 17)
8. Puan Nurashikin binti Ali (Ahli Majlis Zon 23)

Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa mengutamakan kebajikan masyarakat, MBPJ komited untuk terus menganjurkan program seumpama ini bagi memperkukuh perpaduan, menyemai nilai ihsan serta mengukuhkan asas keharmonian demi membentuk masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



BIL :

**Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (28)**

**Tarikh: 24 Mac 2025**

## **MBPJ RAI 17 KELUARGA DALAM MAJLIS PEMBERIAN SUMBANGAN JALINAN KASIH 3R PJKITA SEMPENA AIDILFITRI 2025.**

Seramai **17 keluarga** diraikan dalam **Majlis Pemberian Sumbangan Jalinan Kasih 3R PJKita sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025** yang berlangsung di PJ Eco Recycling Plaza, SS8, Petaling Jaya hari ini.

Majlis anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) ini merupakan inisiatif prihatin bagi membantu keluarga yang memerlukan melalui **pemberian baucar membeli-belah bernilai RM300** serta **barangan keperluan rumah** yang telah dibaik pulih. Barangan ini merupakan hasil sumbangan orang ramai menerusi program **Spring Cleaning**, sebuah inisiatif kitar semula yang dijalankan setiap kali musim perayaan utama di Malaysia.

Sumbangan telah disampaikan oleh **Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Aznan bin Hj. Hassan** kepada penerima yang terdiri daripada golongan B40 dan melalui pemilihan Ahli Majlis. Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan MBPJ dalam memperkasa kesejahteraan masyarakat melalui amalan kitar semula dan penggunaan semula barangan yang masih bernilai.

Menurut Timbalan Datuk Bandar, Program Jalinan Kasih 3R PJKita telah berjaya menjimatkan purata kos antara RM2,000 hingga RM3,000 melalui penyediaan barangan seperti perabot dan kelengkapan rumah yang dibaik pulih oleh kakitangan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (JSPPA). Inisiatif ini bukan sahaja mengurangkan pembaziran, malah memberi peluang kepada golongan yang memerlukan untuk memperoleh barangan rumah secara percuma.

Selain itu, penerima sumbangan turut berpeluang memilih barangan *pre-loved* yang disumbangkan oleh orang awam melalui *drop-off* di PJ Eco Recycling Plaza, termasuk pakaian, kasut, beg, mainan, barangan elektronik dan lain-lain. Untuk rekod, sepanjang tahun 2024, pusat kitar semula *drop-off* di PJ Eco Recycling Plaza telah menerima sebanyak 114.8 tan barangan kitar semula serta 5,798 unit barangan terpakai.



Dalam pada itu, program *Spring Cleaning* pada tahun 2024 telah berjaya mengumpulkan 241 unit barangan terpakai termasuk perabot dan barangan elektronik dengan anggaran berat 3.9 tan dari 15 buah kawasan. Manakala bagi tahun 2025, sebanyak 134 unit barangan terpakai seberat 2.9 tan telah dikumpulkan dari 16 buah kawasan dan disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

Inisiatif ini adalah selari dengan matlamat Kerajaan Negeri menerusi Pelan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang mensasarkan kadar kitar semula sebanyak 15% menjelang tahun 2025. Ia bukan sahaja memperkukuh budaya kitar semula dalam kalangan masyarakat, malah menyumbang kepada visi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar mampan dan lestari. MBPJ juga telah menjadikan Pelan Induk Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negeri Selangor (PISPANS) sebagai panduan pelaksanaan program kitar semula.

MBPJ akan terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam amalan kitar semula demi mewujudkan persekitaran yang lebih mampan dan lestari untuk generasi akan datang.

Semoga sumbangan ini bukan sahaja membawa kegembiraan kepada penerima tetapi juga menyemarakkan semangat perpaduan serta budaya saling membantu dalam kalangan masyarakat.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media**  
**Unit Komunikasi Korporat,**  
**Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695